

18/10/2003

Corat-coret

\* BUKU yang disusun berbentuk Menara Berkembar Petronas mula renggang satu persatu, mungkin disebabkan hilang, jatuh atau dicuri segelintir pihak tertentu.

Kebanyakan buku yang dipamerkan itu menyentuh pelbagai isu, termasuk mengenai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menjadi pilihan mereka yang ingin menyimpannya sebagai koleksi peribadi.

Berikutan kedudukannya di laluan orang ramai, bahagian bawah susunan buku menjadi sasaran dan jelas kelihatan renggang, khususnya di bahagian belakang reka bentuk menara berkembar itu.

\* KEGHAIRAHAN menerima kunjungan pelbagai tetamu ternama dunia Islam petugas keselamatan Ekspo OIC 2003 kadangkala bertindak keterlaluan.

Semalam, tiga jurugambar dikasari ketika membuat liputan lawatan Presiden Pakistan, Pervez Musharraf. Berikutan salah faham atau tidak begitu peka dengan tugas jurugambar, baju seorang jurugambar ditarik dari belakang, manakala yang lain ditolak.

Rupanya mereka terlalu ghairah kerana tugas sebenar adalah menjaga keselamatan ekspo saja berikutan tugas menjaga keselamatan VIP adalah tanggungjawab pasukan polis.

\* SEKRETARIAT Sidang Kemuncak OIC merungut kerana ada wartawan asing tidak mematuhi kod etika berpakaian yang ditetapkan dalam buku panduan media.

Teguran pegawai perhubungan media dibalas kasar kerana mempersoalkan hak asasi mereka dan mendakwa ia adalah pakaian biasa mereka di negara sendiri ketika membuat liputan akhbar.

Bagaimanapun, tindakan beberapa wartawan memakai jeans dan kemeja-T ketika membuat liputan perasmian Sidang Kemuncak OIC Ke-10 Khamis lalu menimbulkan kemusykilan sama ada benar mereka boleh melakukan demikian di negara sendiri.

\* KEADAAN penuh sesak di Masjid Putrajaya ketika solat Jumaat menyebabkan ramai jemaah yang terjatuh dan kehilangan kasut. Ia bukan saja berlaku di kalangan jemaah tempatan, malah delegasi dan wartawan asing yang menunaikan solat di masjid berkenaan.

Ada juga yang terlupa tempat kasut diletakkan sehingga menyangka kasut mereka dicuri.

\* PEMIMPIN Iran, Presiden Seyed Mohammad Khatami antara orang kenamaan yang mendapat perhatian jemaah yang menunaikan solat Jumaat semalam sehingga terpaksa dikepung petugas keselamatan.

Orang ramai yang berkumpul di luar masjid hanya dapat melambaikan tangan saja kepada beliau selepas menunaikan solat.

\* WALAUPUN terpaksa bersesak-sesak, orang ramai tidak mahu melepaskan peluang bergambar dan bersalaman dengan pemimpin negara, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Beliau yang selesai menunaikan solat Jumaat di Masjid Putrajaya sempat bersalaman dengan orang ramai yang bersiap sedia berbaris di dalam dan luar masjid.

Walaupun keletihan, Dr Mahathir masih dapat meluangkan masa bermesra bagi tidak menghampakan jemaah berbaris lama untuk bersalaman dengan beliau.

\* BILANGAN bas pengantara yang tidak mencukupi untuk menghantar petugas sekretariat dan wartawan menunaikan solat jumaat di Masjid Putra menyebabkan ramai yang terpaksa berhimpit. Ada pula yang terlepas bas dan terpaksa bersolat Zuhur saja di surau Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC)

\* PUSAT perubatan yang beroperasi di PCC, mengendalikan 548 kes, terutama membabitkan petugas persidangan itu, berbanding hanya 10 peratus membabitkan delegasi luar negara.

Walaupun menerima banyak kes, ia hanya sakit ringan seperti batuk dan selsema. Berdasarkan buku catatan tetamu, kebanyakan delegasi yang menerima rawatan berpuas hati dengan layanan petugas.

\* PETUGAS perubatan menyerahkan satu kain rentang kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis makan malam meraikan petugas sidang kemuncak OIC, malam tadi.

Kain rentang itu mempunyai tandatangan petugas perubatan sepanjang sidang kemuncak, delegasi asing yang mendapat rawatan serta orang ramai yang mengunjungi pusat berkenaan. Ia sebagai penghargaan kepada jasa Dr Mahathir yang akan bersara.